

20 JUL 1999

UMNO: HISHAMMUDDIN JUMPA KU LI ESOK

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan yang baru, Tengku Razaleigh Hamzah esok.

Ia adalah perjumpaan pertama antara Pergerakan Pemuda dan Tengku Razaleigh, demikian menurut kenyataan pergerakan itu di sini, hari ini.

"Perjumpaan ini akan diadakan serentak bersama-sama jentera pilihan raya Pemuda Umno Kelantan bagi menggerakkan jentera Pemuda yang telah lama disediakan untuk menggempur kerajaan PAS di Kelantan," kata kenyataan itu.

Hishammuddin dan seluruh kepimpinan Pemuda Kelantan akan menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Baharu Khamis ini dalam program bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Kelantan diikuti perjumpaan pemimpin bersama rakyat.

Pemimpin Pergerakan Pemuda itu juga dijadualkan ke Sabah bagi mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan menghadiri program Pemuda BN negeri.

Gerak kerja itu diadakan selaras dengan keputusan mesyuarat pergerakan itu baru-baru ini untuk memberikan sepenuh tumpuan bagi menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

-- BERNAMA

MAM NAK